

Syarat baru belajar luar negara

Oleh ABDUL HAMID MOHAMAD
dan ZULKIFLI JALIL

UM 1 MAR 2002

SEPANG 28 Feb. — Kerajaan akan melaksanakan peraturan baru kepada pelajar-pelajar yang hendak mendapat pendidikan di luar negara, termasuk di Asia Barat, bagi memastikan mereka hanya belajar di institusi yang diiktiraf oleh kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pada masa yang sama pelajar-pelajar terbabit juga dikehendaki mendaftar dengan Wisma Putra bagi membolehkan pemantauan dan kebajikan mereka dibuat dan diberi perhatian.

Beliau menegaskan, kerajaan perlu mendaftar nama mereka dan menentukan institusi yang mereka ingin pergi.

Menurut beliau, peraturan baru itu yang akan dilaksanakan secepat mungkin akan membabitkan kesemua jurusan termasuk pendidikan Islam yang dipelajari di negara-negara Asia Barat.

● Majlis Ulama ditubuh secepat mungkin — Muka 2

“Kita tak senang hati dengan penghantaran pelajar yang kelulusannya tidak diketahui ke luar negara kononnya untuk belajar agama.

“Kita dapati kadang-kadang mereka tak belajar agama ataupun pergi ke institusi yang tidak diiktiraf bukan sahaja oleh kerajaan kita tetapi oleh kerajaan negara itu sendiri,” katanya kepada pemberita sekembalinya dari bercuti dan lawatan ke luar negara di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas penahanan 12 pelajar Malaysia oleh pihak berkuasa Yemen kerana dikatakan belajar di madrasah yang tidak berdaftar di republik itu.

Laporan mengenai penahanan pelajar-pelajar terbabit disiarkan sebagai berita utama *Utusan* hari ini.

Kedutaan Malaysia dikatakan tidak dimaklumkan mengenai penahanan pelajar-pelajar berkenaan yang dilakukan pada 19 Februari lalu ketika dalam perjalanan untuk menghadiri sambutan Aidiladha di Kedutaan Malaysia di Sana'a.

■ Lihat muka 4

Syarat baru belajar luar negara

Bagaimanapun, menurut Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar penahanan itu ada kaitan dengan operasi besar-besaran yang dilakukan oleh pihak berkuasa negara itu ke atas sekolah-sekolah agama dan madrasah.

Kesemua mereka yang ditahan itu merupakan pelajar Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Taiz, yang terletak di bahagian selatan Yemen iaitu kira-kira 120 kilometer dari ibu negara republik itu.

Bagaimanapun, pelajar-pelajar Malaysia itu dibebaskan malam tadi dan kini diletakkan di bawah jagaan Kedutaan Malaysia di Sana'a.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, pelajar-pelajar yang hendak ke luar negara sepatutnya terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada kerajaan bagi memastikan mereka belajar di institusi yang diiktiraf oleh kerajaan.

“Kita sedang kaji bagaimana nak sekat mereka yang pergi belajar seperti di

Afghanistan di mana mereka bukan belajar agama tetapi belajar bagaimana nak gulingkan kerajaan secara kekerasan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, sesetengah institusi yang dijadikan tempat belajar pelajar-pelajar terbabit termasuk dalam kes di Yemen itu tidak mempunyai kemudahan asas sekurang-kurangnya seperti sekolah menengah di negara ini.

“Kita juga berpendapat apabila lulus dan kembali ke tanah air, mereka akan dianggap orang yang berkelulusan di bidang agama.

“Tetapi mungkin pengetahuan agama mereka begitu cetek sekali, ini akan menyumbang kepada kekeliruan yang terdapat di kalangan sebahagian besar rakyat Malaysia,” katanya.